

13 MAC 2018

Penganggur ambil dadah dijel 5 tahun

Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan ke atas penganggur selepas mengaku bersalah melanggar perintah pengawasan dengan mengambil semula dadah, awal tahun ini.

Mohd Shahpie Othman, 31, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memasukkan morfin ke dalam

Melaka

Penganggur ambil dadah dijel 5 tahun

badannya dan ada dua rekod terdahulu berkaitan dadah dengan dikenakan dua perintah pengawasan yang dikeluarkan Mahkamah Majistret Melaka pada Oktober 2017.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Balai Polis Bukit Baru, jam 1.05 tengah hari, 5 Januari lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu me-

ngikut Seksyen 39C (1) Akta Dadah Berbahaya 1992 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi tujuh tahun dan sebat sehingga tiga sebatan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu hukuman ringan dikenakan dan hukuman bermula dari tarikh ditangkap.